

**Jenis Akhbar** : Kosmo  
**Tarikh** : 20/12/2018  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional / 46  
**Tajuk** : ANGKASA bakal jana RM1.1 bilion dari sektor pembekalan

## Angkasa bakal jana RM1.1 bilion dari sektor pembekalan

SHAH ALAM - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) dijangka menjana transaksi urus niaga sebanyak RM1.1 bilion dalam sektor pembekalan bahan binaan menerusi kerjasama yang akan dimuktamadkan dengan dua buah koperasi dari China dan Iran.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, dua buah koperasi yang telah dikenalpasti itu ialah Iran Central Chamber Of Cooperatives (ICCC) dan All-China Federation Of Sup-

ply And Marketing Cooperatives (ACFSMC) di China.

"Sehingga kini, kami telah berjaya mencatat urus niaga dalam sektor pembekalan bahan binaan seperti keluli berjumlah RM3.9 bilion.

"Kami menasarkankan jumlah tersebut bakal bertambah kepada RM5 bilion menerusi sektor tersebut" katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Bantu-



ABDUL FATTAH

an Pembangunan Perniagaan Pembekal Bahan Binaan Koperasi 2018 di sini baru-baru ini.

Abdul Fattah menjelaskan, Angkasa melihat sektor pembekalan bahan binaan sebagai prospek ekonomi menguntungkan susulan kepesatan projek pembangunan khususnya di negara ini.

Justeru, Abdul Fattah menjelaskan, bagi memastikan kejayaan dalam projek berkenaan, sebanyak 19 koperasi

berkaitan telah ditubuhkan kecuali di Sarawak dan Pulau Pinang yang masih dalam peringkat rundingan.

"Pada majlis ini, bantuan sebanyak RM24,000 diberikan kepada setiap koperasi menyediakan prasarana terbaik untuk mereka memulakan perniagaan binaan logam dan bahan binaan.

"Melalui bantuan ini, kami berharap dapat memacu gerakan koperasi yang mampu merealisasikan agenda pembangunan perniagaan koperasi terutama dalam sektor binaan," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA